



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) CAWANGAN MELAKA  
DENGAN KERJASAMA  
JABATAN PELAJARAN MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010

---

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian: Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki untuk menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Masa yang dicadangkan ialah 40 minit.*
3. *Bahagian B mesti dijawab. Masa yang dicadangkan ialah 25 minit.*
4. *Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda dikehendaki supaya menjawab satu soalan sahaja. Masa yang dicadangkan ialah 40 minit.*
5. *Bahagian D mesti dijawab. Masa yang dicadangkan ialah 10 minit..*

---

Kertas Soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak.

**Bahagian A(i) – Ringkasan****[20 markah]**

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang sebab-sebab masyarakat kurang membaca buku ilmiah. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Tabiat membaca buku ilmiah dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah berbanding dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, England, Jepun dan Taiwan. Penduduk negara yang ekonominya berasaskan sektor pertanian, masih beranggapan bahawa memiliki buku-buku ilmiah tidak sepenting seperti memiliki makanan. Lagipun, jumlah ahli keluarga yang besar, memaksa ketua keluarga berbelanja untuk membeli keperluan asas sahaja. Fenomena ini berlaku kerana rakyat yang tinggal di negara yang berasaskan pertanian sangat malas berfikir kerana bidang pertanian lebih teratur dan tidak banyak pancaroba. Mereka membaca hanyalah untuk menghiburkan hati. Lantaran itu, buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, bernilai RM 40 juta tidak terjual kerana gagal menarik minat pembaca. Buku-buku tersebut dikatakan kurang memuatkan ilustrasi dan isi kandungan buku pula terlalu padat.

Selain itu, bahan-bahan bacaan ilmiah lebih mahal daripada komik dan bahan-bahan bacaan picisan. Penjualan buku-buku ilmiah *masih terbatas* dan sukar dibeli di pasaran manakala bahan-bahan bacaan picisan boleh diperolehi di kaki lima, pusat beli-belah, stesen bas, pasar malam, dan pelbagai tempat lagi.

Komik dan bahan-bahan bacaan picisan juga dipersembahkan dalam bentuk ilustrasi dan grafik yang menarik. Bahan bacaan picisan menjadi pilihan pembaca kerana memuatkan karya-karya yang mengungkapkan tema yang ringan-ringan dan boleh dibaca ketika bersantai. Mereka tidak perlu memerah otak untuk memahaminya. Contohnya, kisah-kisah yang dipaparkan dalam karya picisan adalah tentang percintaan yang berakhir dengan pertemuan dijinjang pelamin, cinta tiga segi dan sebagainya.

Kehadiran bahan-bahan seperti ini bukan sahaja tidak membina minda masyarakat malah boleh menyebabkan berlakunya masalah sosial. Oleh itu, pihak kerajaan mestilah memantau penerbitan dan pengedaran bahan-bahan bacaan ini dalam masyarakat.

Buku-buku ilmiah juga kurang diberi perhatian kerana terpaksa bersaing dengan media massa dalam teknologi moden seperti internet, video, dan televisyen. Oleh itu, terdapat ramai golongan cendekiawan serta para pelajar beralih kepada penggunaan teknologi moden yang lebih murah dan menyeronokkan.


(Dipetik dan diubahsuai daripada rencana,  
'Minda Pembaca' Berita Harian, 2007.)

**Bahagian A (ii) – Pemahaman**  
**[10 markah]**

1. Berikan maksud rangkai kata *masih terbatas* seperti dalam petikan.  
[2 markah]
2. Mengapakah komik dan bahan-bahan bacaan picisan menjadi pilihan ramai?  
[4 markah]
3. Nyatakan dua cara pada pendapat anda, kerajaan dapat menggalakkan minat membaca buku-buku ilmiah dalam kalangan masyarakat?  
[4 markah]

**Bahagian B**  
**[20 markah]**

*Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah untuk memupuk semangat kejiranan. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*



**Bahagian C****[40 markah]**

*Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.*

1. Mempelajari seni pertahanan diri banyak membawa kebaikan.  
Jelaskan faedah-faedah mempelajari seni pertahanan diri.
2. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecemerlangan akademik anak-anak.  
Beri pendapat anda.
3. Terdapat peniaga pasar malam di tempat tinggal anda telah melanggar arahan pihak berkuasa. Anda ingin membuat aduan kepada pihak berkenaan.  
Tulis sepucuk surat tersebut selengkapnya.
4. Media massa sering memaparkan berita tentang kegiatan vandalisme yang berlaku di negara ini.  
Cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini.
5. Peribahasa Melayu 'seperti kacang lupakan kulit,' memberi nasihat supaya kita jangan melupakan budi insan yang pernah berjasa.  
Tulis karangan berdasarkan peribahasa tersebut.

**Bahagian D**  
**[10 markah]**

Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel-novel berikut:

- i. *Anak Din Biola*
- ii. *Meniti Kaca*
- iii. *Aku Anak Timur*
- iv. *Limpahan Darah Di Sungai Semur*
- v. *Tragedi Empat Disember*
- vi. *Timulak Kapal Perang*
- vii. *Pahlawan Pasir Salak*
- viii. *Kapten Hassan Wira Bangsa*
- ix. *Kanang Cerita Seorang Pahlawan*
- x. *Panas Salju*
- xi. *Merdeka! Merdeka!*
- xii. *Ekspedisi*

**“Pengajaran bahawa kita hendaklah mementingkan kehidupan bermasyarakat supaya matlamat hidup tercapai”.**

Novel Tingkatan 1

Contoh:  
Anak Din Biola

Novel Tingkatan 2

Contoh:  
Tragedi Empat Disember

Novel Tingkatan 3

Contoh:  
Kanang Cerita Seorang  
Pahlawan

Huraikan **satu** contoh peristiwa yang berkaitan dengan pengajaran di atas dalam novel yang telah anda kaji di Tingkatan Satu, Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga.

**KERTAS SOALAN TAMAT**